



Rujukan Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 4(30)
Tarikh : 3 Januari 2017 / 4 Rabiulakhir 1438H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 1/2017**

**PERANCANGAN PEROLEHAN BAGI TENDER/KONTRAK YANG DIPUTUSKAN
OLEH LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Pengurusan perolehan hendaklah dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip dan peraturan perolehan Kerajaan yang telah ditetapkan. Perancangan perolehan merupakan salah satu elemen penting yang mesti dilaksanakan oleh semua jabatan/agensi Kerajaan dalam memastikan perolehan lebih teratur dan efektif.

3. Sehubungan itu, semua Jabatan/Agensi diminta untuk mengemukakan **perancangan perolehan tahun 2017** bagi tender yang akan diputuskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah (LPPS) dan kontrak bekalan/kerja yang akan tamat pada tahun 2017 kepada Perbendaharaan Malaysia Sabah sebagai makluman awal untuk penetapan takwim LPPS.

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO: AR 3495

4. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan perancangan perolehan jabatan/agensi bagi tahun 2017 **sebelum/pada 31 Januari 2017 (Selasa)** kepada Perbendaharaan Malaysia Sabah untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD. YUNUS BIN CHARLIE CHARINGTON)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah